

Newspaper	Berita Harian
Date	5/5/2013

# Generasi muda bersama BN

BH - 5/5/2013

» *Tiada sebab tolak kepemimpinan sedia ada: PM*

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
irwansha@mediaprima.com.my

► Pekan

**D**atuk Seri Najib Razak yakin generasi muda akan membuktikan mereka tetap bersama kerajaan Barisan Nasional (BN) yang dapat menjamin masa depan mereka.

Perdana Menteri berkata, golongan itu tidak mempu-

nyai sebab menolak kepemimpinan kerajaan BN yang menyediakan pelbagai peluang pekerjaan, pendidikan, latihan dan hak mereka untuk bersuara.

## Jamin masa depan

“Di Malaysia, orang muda tidak marah pada kerajaan, orang muda akan buktikan mereka memilih BN kerana yakin hanya BN dapat menjamin masa depan negara,” katanya berucap pada majlis Himpunan Pengundi Muda Parlimen Pekan di Dataran Pekan, di sini, semalam.

Lebih 5,000 pengundi muda berhimpun di dataran itu bagi menyatakan sokongan padu pada Najib yang juga penyandang kerusi Parlimen Pekan.

Lebih 24,000 pengundi baru daripada 80,260 jumlah pengundi layak mengundi bagi Parlimen Pekan meliputi empat Dewan Undangan Negeri iaitu Peramu Jaya, Pulau Manis, Bebar dan Chini.

Beliau berkata, selain menyediakan peluang pendidikan tinggi yang tidak terhad, kerajaan juga berjanji menyediakan 3.3 juta peluang pekerjaan menjelang tahun 2020.

Sementara itu, di Raub, Najib meminta rakyat berfikir semasak-masaknya sebelum mengambil keputusan menyokong penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang sudah ditinggalkan ramai kawan rapatnya.

## Perlu bermuhasabah

Beliau berkata, rakyat perlu bermuhasabah dan memikirkan kenapa ramai rakan yang rapat dengan Anwar, yang dulunya kuat menyokong pe-



mimpin itu kini sedikit demi sedikit meninggalkannya.

“Ini yang saya rasa pelik, kenapa kita yang jauh nak sokong beliau sedangkan ramai kawan

baiknya seperti Dr Chandra Muzaffar, pakar bedah saraf, Dr Halili Rahmat, Datuk Dr Sidek Baba, Ezam Mohd Noor, Datuk Nallakarupan dan ramai lagi meninggalkan beliau sebab sudah hilang kepercayaan terhadapnya.

“Begitu juga dengan peguamnya sendiri, Datuk Zul-kifli Noordin, yang juga calon BN di Shah Alam juga sudah turut meninggal beliau. Kalau pemimpin seperti Anwar ditolak orang sekelilingnya, kenapa pula kita nak sokong dia?” katanya ketika berucap pada majlis pecah tanah UiTM Pahang, Kampus Raub, dekat FELDA Krau, dekat sini, semalam.

Turut hadir, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yakob dan Naib Canselor UiTM, Prof Datuk Dr Sahol Hamid.